

Headline **UPSI tandatangan MoU dengan empat syarikat**  
Date **21 Oct 2009**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **24**  
Article Size **312 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,166**  
PRValue **18,499**



# UPSI tandatangan MoU dengan empat syarikat

KUALA LUMPUR 20 Okt. – Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan empat buah syarikat sempena Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (Pecipta 2009) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, baru-baru ini.

Syarikat-syarikat berkenaan ialah Mimos Berhad (Mimos), Talkway Engineering and Services Sdn. Bhd., DreamEdge Sdn. Bhd. dan Pusat Kemahiran Matematik Sensor (PKMS). Bagi kesemua MoU tersebut, UPSI diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Aminah Ayob.

MoU dengan Mimos bertujuan membangunkan teknik ujian psikologi dan pendidikan berasaskan teknologi bagi meningkatkan kualiti pelajar dan menambah baik kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah ujian adaptif berkomputer.

Menurut Aminah, kaedah itu akan digunakan dalam penilaian yang boleh disesuaikan dengan tahap keupayaan individu dan mempunyai banyak kelebihan seperti memendekkan tempoh ujian, selain markah ujian dan laporan diperoleh segera.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah yang mewakili agensi itu berkata, kerjasama Mimos dengan UPSI akan memperkukuhkan

jaringan rakan Mimos dan memperteguhkannya sebagai rakan pilihan di dalam membangunkan teknologi terkehadapan.

MoU dengan Talkway Engineering and Services Sdn. Bhd. yang diwakili Pengurusnya, Kamarul Karim bertujuan meneroka, meluas dan meningkatkan pasaran modul pengurusan kaunseling prodigy, produk un-

tuk kaunselor di sekolah ciptaan penyelidik UPSI.

Sementara itu MoU dengan DreamEdge Sdn. Bhd yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Khairil Adri Adnan pula bagi kerjasama meningkatkan pembangunan serta menghasilkan produk prodigy bagi tujuan pengkomersialan.

Aminah berkata, ia akan meningkatkan kemahiran guru bimbingan dan kaunseling mengendalikan kursus-kursus seperti kepimpinan, pelajar nakal, pelajar lemah pencapaian akademik dan sebagainya.

MoU juga ditandatangani dengan PKMS yang menghasilkan kaedah baru pembelajaran matematik berasaskan kepada konsep akrab dan mesyuarah dalam Islam.

PKMS diwakili Baharam Azit yang juga pengasas sistem berkenaan sebagai kaedah pembelajaran yang sangat menarik, mudah dan menyeronokkan terutamanya untuk kanak-kanak.



DR. Aminah Ayob yang mewakili UPSI bertukar dokumen dengan wakil PKMS, Baharam Azit pada Majlis MoU di Kuala Lumpur, baru-baru ini.